

Nurul Syakirin Ahmad Najid

Timbalan Yang Dipertua
Majlis Perwakilan Pelajar 2013/ 2014
Universiti Sains Islam Malaysia



Mahasiswa seimbang duniawi, ukhrawi

Gabungan harmoni ilmu Naqli (wahyu) dan Aqli (rasional) menjadi teras pengisian kurikulum dan kokurikulum di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi membentuk graduan yang berdaya saing, holistik serta cemerlang duniawi dan ukhrawi.

Penyatuan dua cabang ilmu itu diyakini mampu memberi impak kepada pembangunan jiwa manusia sekali gus melahirkan generasi yang memberi nilai kepada negara, ummah dan agama.

Untuk itu, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USIM sesi 2013/2014 menggalas tanggungjawab itu bersama-sama pihak pengurusan universiti melaksanakan pelbagai program yang menggabungkan ilmu terbabit dalam aspek pembangunan akademik, sahsiah, kebajikan dan kemahiran insaniah.

Sebagai pembuka tirai semester baharu, program memfokuskan pemeraksanaan bahasa digerakkan bagi membantu mahasiswa menjadi penyampai terbaik kepada pelbagai

lapisan masyarakat.

Dua bahasa

Fokus MPP ialah untuk membantu mahasiswa menguasai dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Arab seterusnya membolehkan sasaran menjadikan USIM sebagai hab pembedayaan ilmu tercapai.

Program pemeraksanaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris akan dilaksanakan selama tiga bulan bermula Mac ini di seluruh kampus USIM disusuli pelbagai program lain yang akan digerakkan bersama bagi membolehkan warga MPP mendekati diri bersama masyarakat dan kumpulan pelajar yang berbeza.

Contohnya, golongan siswi terus didekati menerusi Forum Bicara Siswi yang membincangkan permasalahan agama, sosial dan isu semasa yang diadakan pada setiap hari Jumaat.

Kami ingin meletakkan MPP sebagai wadah mendekati mahasiswa dengan masyarakat agar denyutan nadi mereka sen-



tiasa didekati. Mahasiswa Islam seharusnya memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling selari dengan tuntutan agama Islam seperti yang tercatat di dalam al-Quran, surah Al-Mutaffifin ayat 22 dan surah Al-Infitar ayat 13 yang bermaksud "Berbakti pada agama Allah, umat Islam, negara, bangsa dan buat ibu ayah yang banyak berkorban".

Mahasiswa USIM tidak lagi bermain di dalam 'gelanggang' universiti sahaja, bahkan melihat

medan luar sebagai landasan terbaik dalam menerapkan dan mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli yang disemai USIM sepanjang pengajian.

Menjadi pendakwah

Kelebihan ini menjadikan mahasiswa USIM terkehadapan kerana menerusi penerapan ilmu Naqli dan Aqli membolehkan pelajar aliran sains, ekonomi, perubatan dan pergigian turut mempelajari subjek agama seperti pengajian al-Quran dan sunnah, syariah, ibadah dan dakwah.

Ilmu yang diperlukan untuk kehidupan duniawi seharusnya dilengkapi dengan ilmu untuk kehidupan ukhrawi agar keduanya bergerak seiring dan selari dengan kehendak syariat.

MPP USIM turut memainkan peranan di

pentas global menerusi pelaksanaan beberapa aktiviti yang membentuk kerjasama, contohnya kerjasama USIM bersama dua universiti luar negara iaitu Institut Studi Islam Darussalam Gontor (ISID), Indonesia serta Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei.

Misi memaknakan keberadaan mahasiswa dalam kalangan masyarakat seterusnya membentuk kerjasama strategik di antara tiga universiti ini sudah digerakkan secara berperingkat.

Contohnya, lawatan USIM ke ISID membawa kepada perkongsian pendapat dan idea menerusi sesi diskusi antara MPP USIM bersama dengan Perwakilan Mahasiswa ISID Gontor baru-baru ini.

Sebagai mahasiswa Islam, tanggungjawab yang dipikul amat besar dan mereka seharusnya menjadi contoh terbaik dan seterusnya menjadi dai'e (pendakwah) yang berkesan dalam memotretkan imej Islam yang terbaik dalam segala aspek.